

Majlis Perasmian

KAMPUS KUKUM OLEH Y.A.B. MENTERI BESAR PERLIS DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM




PERLIS, 17 September 2002 - Kampus Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah dirasmikan dengan penuh gilang gemilang oleh Y.A.B. Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis pada tanggal 17 September 2002.

Majlis berlangsung di tapak Kampus Sementara KUKUM, Kubang Gajah, Arau yang mana sebelum ini merupakan bangunan milik penuh Y.A.B. Menteri Besar. Majlis ini merupakan salah satu detik bersejarah bagi KUKUM yang akan dikenang selamanya, khususnya warga KUKUM ini sendiri dan seluruh rakyat negeri Perlis secara amnya. Antara tetamu yang telah dijemput hadir di majlis ini adalah terdiri dari semua ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin kerajaan, wakil-wakil rakyat, ahli Dewan Rakyat / Negara, JKKK, pengetua-pengetua sekolah, ibu bapa para pelajar KUKUM, penduduk Kampung Sri Gelam dan penghuni rumah anak-anak yatim yang berjumlah kira-kira 1,000 orang.

Ketibaan Y.A.B. Menteri Besar telah disambut dengan paluan kompang dan iringan bunga manggar. Beliau seterusnya diberi penghormatan untuk menyempurnakan upacara kawad kehormatan yang terdiri dari seluruh para pelajar KUKUM. Acara diteruskan dengan persembahan kombo/pancaragam dari Rejimen 4 Renjer

Diraja, persembahan seni silat cekak Malaysia dan persembahan deklamasi sajak yang terdiri dari gabungan dua orang staf dan dua orang pelajar KUKUM. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan dari Y.Bhg. Rektor yang antaranya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sokongan oleh semua pihak, terutamanya kerajaan Negeri Perlis atas kerjasama membantu penubuhan KUKUM.



Mailis Pera

Beliau seterusnya memaklumkan tentang rentetan sejarah awal dalam merealisasikan kewujudan KUKUM supaya dapat diterima oleh masyarakat setempat dan pelajar-pelajar khususnya. Walaupun masih baru ditubuhkan, KUKUM telah dapat menyediakan pelbagai prasarana yang memuaskan. Seterusnya majlis menjemput Y.A.B. Menteri Besar Perlis untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan majlis bersejarah ini. Ucapan beliau banyak menyentuh tentang hasrat untuk menjadikan negeri ini terkenal sebagai 'Negeri Ilmu' dan ini merupakan satu titik permulaan dalam membantu merealisasikan penubuhan KUKUM dan institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain di negeri utara Semenanjung ini.

Tegas Y.A.B. lagi, kejudahan KUKUM sebenarnya adalah hasil kesinambungan perjuangan pemimpin-pemimpin yang terdahulu untuk membolehkan generasi ini mendapat tahap pendidikan yang cemerlang. Dua kampus tetap akan dibina iaitu di **Sungai Chuchoh, Padang Besar** dan **Ulu Pauh, Perlis** yang bakal menempatkan pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan pelbagai bidang yang dijangka boleh memuatkan seramai 10 ribu orang pelajar pada satu-satu semester. Selepas penyempurnaan majlis perasmian tersebut,

beliau diberikan cenderahati berbentuk album yang memuatkan gambar-gambar aktiviti menarik di KUKUM dan seterusnya dipakaikan jaket rasmi KUKUM. Akhir sekali, Y.A.B Menteri Besar dijemput untuk merasmikan laman rasmi web KUKUM dan seterusnya seluruh tetamu yang hadir dijemput untuk menjamu selera dengan jamuan makan tengahari yang telah disediakan.

